

Bab Kelebihan-Kelebihan Saidina Muawiyah

No 816- Saidina Muawiyah tergolong dari kalangan sahabat atau tidak?

No 817- Sekiranya tidak, adakah beliau pernah berjumpa Nabi s.a.w. untuk bertaubat dan menyatakan keislamannya?

No 818- Jika kamu mengatakan tidak, maka ini bercanggah dengan kenyataan kerana Saidina Ali menuntut beliau berbai'ah dan beriman atas dasar beliau sebagai seorang Islam. Saidina Hasan pula telah menyerahkan kuasa kepadanya. Bagaimana beliau boleh dianggap sebagai tidak Islam? Mengikut pendapat kamu, adakah patut menyerahkan kuasa kepada pemerintahan kepada orang kafir?

No 819- Jika kamu menganggap beliau sebagai seorang yang beriman, adakah imannya sempurna atau tidak? Kalau tidak sempurna, mengapa Saidina Hasan menyerahkan kuasa kepadanya. Apakah tidak ada orang lain yang lebih sempurna imannya selain Saidina Muawiyah?

No 820- Sekiranya kamu mengakui, maka ada beberapa bantahan yang lain pula. Anda boleh rujuk di dalam kitab-kitab Ahlus Sunnah.

No 822- Betul atau tidak Saidina Muawiyah adalah seorang penulis wahyu sama seperti Saidina Ali?

No 823- Kalau imannya tidak sempurna, bagaimana Nabi s.a.w boleh menyuruhnya menulis wahyu dan tergolong dari kalangan mereka yang duduk di hadapan Nabi s.a.w menulis wahyu.

No 824- Jika kita mengatakan Nabi s.a.w. menyerahkan tugas menulis wahyu kepada orang yang kurang atau tidak sempurna imannya, maka ini tidak benar kerana penulis wahyu adalah orang-orang yang terpilih di sisi Allah s.w.t.. Tidakkah tindakan Nabi s.a.w. ini boleh dikritik kerana melantik orang yang sedemikian.

No 825- Dalam kitab Tarikh Al-Khulafa ada disebutkan bahawa Saidina Muawiyah adalah seorang penulis wahyu. Ini menunjukkan Nabi s.a.w percaya kepadanya sebagai seorang yang amanah. Kalau tidak, kita boleh membuat kesimpulan bahawa Nabi s.a.w. telah menyerahkan penulisan wahyu kepada orang yang tidak amanah dan tidak bertanggungjawab, dan Nabi s.a.w. pula diterima sebagai seorang yang tidak tahu membaca dan menulis. Apa maksud tidak tahu membaca dan menulis? Kalau seseorang boleh mengenal huruf, adakah dia sudah dikira boleh membaca? Kalau Nabi s.a.w. tidak boleh membaca dan menulis, adakah Nabi s.a.w. boleh menegur atau mengetahui andainya Saidina Muawiyah telah menulis perkara lain. Tuhan sudah berjanji menjaga Al-Quran dengan menyerahkan penulisannya kepada orang-orang seperti Muawiyah. Golongan Syiah sebenarnya bermaksud menyatakan bahawa Al-Quran sudah berubah dari yang asal, dan yang mengubahnya ialah Saidina Muawiyah. Kamu mengkritik Saidina Muawiyah tidak berbai'ah kepada Saidina Ali, persoalannya adakah Saidina Hasan tidak mengetahui perkara tersebut? Kalau dia mengetahui perbuatan Muawiyah tidak berbai'ah kepada ayahnya adalah satu kesalahan besar, mengapa dia menyerahkan kuasa kepadanya? Jika kamu mengatakan dia tidak mengetahui, maka ini tidak benar kerana mengikut akidah kamu syarat seorang Imam ialah dia mengetahui perkara sebegini. Saidina Hasan telah menerima baik Muawiyah selepas kewafatan Saidina Ali. Kalau kamu tidak mahu menerima, di dalam kitab kamu sendiri jelas menyebutkan bahawa Saidina Hasan telah berbai'ah kepada Saidina Muawiyah: "Wahai Hasan, bangunlah berbai'ah. Maka Hasan pun bangun dan berbai'ah". Malah bukan sekadar berbai'ah, bahkan menyerahkan kuasa pula.

No 832- Jika kamu tidak mahu menerima kebenaran ini, itu tidak boleh berlaku kerana perkara ini ada dalam kitab kamu sendiri.

No 833- Mengapa Saidina Hasan dan Saidina Husein patuh kepada apa yang disuruh oleh Saidina Muawiyah? Di zaman pemerintahan Saidina Muawiyahlah, mereka berdua pergi berperang ke Turki bersama Abu Ayyub di bawah pimpinan Yazid. Persoalannya, mengapa dia ikut serta di dalam peperangan tersebut?

No 835- Jika kamu meragui keimanan Saidina Muawiyah dengan sebab dia berperang dengan Saidina Ali, maka kita ingin bertanya siapakah yang mula-mula melakukan serangan? Di dalam Shahih Al-Bukhari disebutkan pihak Saidina Ali yang memulakan serangan. Maka apakah Saidina Muawiyah hanya akan berdiam diri, dan apakah pula salahnya?

No 836- Ada juga orang syiah yang mengatakan tidak. Bahkan Saidina Muawiyah telah menyerang Kufah. Jika benar beliau telah menyerang Kufah, maka beliau adalah seorang pelampau. Tetapi perlu dibawakan bukti dahulu supaya jelas. Tidak ada di dalam mana-mana riwayat yang shahih menyebutkan seperti itu. Apa yang ada ialah Saidina Ali yang telah memulakan serangan. Jika Saidina Ali yang memulakan serangan, apakah dengan itu kita boleh membuat kesimpulan bahawa imannya tidak sempurna? Kalau begitu, ertinya jika Saidina Ali berperang dengan seseorang, maka itu menunjukkan orang itu tidak sempurna imannya. Itupun jika kita menerima bahawa orang itu masih beriman. Maka apa makna kata-kata Saidina Ali ini: "Golongan Syam yang berperang dengan kita ini jelas tuhan kita sama, agama kita juga sama iaitu Islam. Kita tidak minta mereka menambahkan iman mereka kepada Allah serta membenarkan Rasul. Begitu juga, mereka tidak minta kita menambahkan keimanan kita"? Saidina Ali sendiri mengatkan iman mereka sempurna dan tidak perlu ditambah lagi.

839- Jika kita mengatakan ini semua dilakukan secara taqiyyah, maka hujjah ini tak boleh dipakai. Jika benar, manakah dalil yang mengatakan dia bertaqiyyah? Untuk apa beliau perlu bertaqiyyah sehingga begitu sekali? Mengapa Saidina Hasan perlu bertaqiyyah untuk menerima baik Saidina Muawiyah?

840- Mengapa Saidina Hasan perlu berlu bertaqiyyah dalam keadaan rakyat telah bersatu menerimanya sebagai pemimpin. Tidak ada sebab untuk beliau bertaqiyyah.

843- Jika kita terima seperti yang diterima oleh Ahlus Sunnah, itu baru munasabah kerana mereka sebagaimana disebutkan di dalam Al-Quran berkasi saying antara sesame mereka. Atas dasar itu, maka tidak mustahil Saidina Hasan menerima baik Saidina Muawiyah.

844- Apakah jawapan kamu terhadap Khutbah Saidina Ali ini: "Keadaan yang sebenarnya sama sahaja, Cuma beza kita dengan puak-puak ini ialah dari segi cara pelaksanaannqisas terhadap pembunuh-pembunuh Saidina Utsman". (Nahjul Balaghah: ms 126) Beginilah yang diterima oleh Ahlus Sunnah. Ini juga yang disebutkan di dalam kitab Syiah, kecuali jika mereka maksudkan bahawa Saidina Ali juga terlibat dalam pembunuhan Saidina Utsman. Tetapi jika mereka ingin mendakwa begitu, maka sila bawakan dalil. Sememangnya Syiah menerima bahawa Saidina Alilah yang menjadi dalang kepada peristiwa pembunuhan Utsman. Ini kerana Saidina Utsman sama sekali enggan meletakkan jawatan walaupun dipaksa sebagaimana dakwaan mereka.

No 846- Mengapa Saidina Hasan berbaiah kepada Muawiyah dan menyerahkan seluruh kuasa kepadanya?

No 847- Jika kamu tidak mahu menerima perkara ini, maka bagaimana di dalam kitab Al-Ihtijaj karangan Al-Thabarsi halaman 123 menyebutkan dengan jelas bahawa Saidina Hasan telah menyerahkan kuasa kepada Muawiyah.

No 848- Jika kamu mahu mengatakan Saidina Hasan telah bertaqiyah, maka kamu perlu membawa pendapat Imam yang lain yang mengatakan Saidina Hasan telah bertaqiyah dan kamu mesti menjelaskan sebabnya.

No 849- Kamu mengatakan jika Yazid tidak memerintah, tentu Saidina Husein tidak mati terbunuh. Kita katakan jika Saidina Hasan tidak menyerahkan kuasa kepada Muawiyah, tentu Saidina Husein tidak mati terbunuh, dan jika Saidina Ali tidak menyokong perlantikan Saidina Hasan menjadi khalifah, tentu juga Saidina Husein tidak mati terbunuh. Ini kerana dari awal lagi Saidina Ali menerima perlantikan Saidina Hasan, kemudian Saidina Hasan pula menerima Muawiyah sebagai khalifah, kemudian Saidina Muawiyah pula melantik anaknya Yazid menjadi khalifah sesudahnya. Maka bukan salah Yazid menjadi khalifah, kalau begitu, kamu perlu jelaskan siapakah yang bersalah di sini sebenarnya?

No 850- Dalam Al-Ihtijaj karangan Al-Thabarsi halaman 123 ada disebutkan begini: "Bila Hasan ditikam di Madain, saya pergi menemuinya. Waktu itu beliau sedang kesakitan. Saya berkata: Apa pendapatmu wahai cucu Rasulullah s.a.w. orang ramai sedang dalam kebingungan? Hasan berkata: Sesungguhnya saya fikir demi Allah, sesungguhnya Muawiyah lebih baik daripada puak-puak yang mengaku bahawa mereka adalah pembela aku". Jadi siapakah yang sebenarnya yang telah menikam Saidina Hasan? Di sini jelas menunjukkan merekalah yang telah menikam Saidina Hasan. Kerana itu tidak hairan Saidina Hasan telah berbaiah dengan Muawiyah, kerana puak-puak dia sendiri telah berkhianat.

No 851- Jika kamu mengatakan riwayat Al-Thabarsi itu tidak boleh diterima, persoalannya kenapa?

No 852- Pengarangnya menyebutkan "Kita hanya memasukkan di dalam kitab ini perkara yang telah disepakati kerana diterima oleh logik akal atau kerana ia adalah sesuatu yang masyhur dalam sejarah". Maka mengapa riwayat yang disebutkan yang menukikan kata-kata Saidina Hasan bahawa Saidina Muawiyah itu lebih baik dari orang-orang lain itu tidak boleh diterima?

No 853- Kalau kita menerima riwayat tersebut, siapakah yang telah menikam Saidina Hasan dengan lembing? Cuba tentukan siapa dia?

No 854- Apakah fahaman Zaid Bin Wahab? Apakah kedatangannya itu untuk berziarah atau untuk mengampu, atau untuk menutup kesalahan puak-puaknya?

No 855- Siapakah yang kebingungan? Mengapa berlaku kebingungan? Bukankah kerana Saidina Hasan telah berbaik dengan Saidina Muawiyah? Perbuatan Saidina Hasan berbaik dan berbaiah dengan Muawiyah itu dilakukan kerana taqiyah atau kerana dia hendak menyatakan perkara yang sebenar? Jika kita mengatakan beliau telah bertaqiyah, maka cuba jelaskan apa maksud dia bertaqiyah ketika dia bersolat di belakang Saidina Muawiyah, apakah solat itu sah atau tidak? Jika kita mengatakan Saidina Muawiyah adalah seorang kafir, tentu sembahyang Saidina Hasan itu tidak sah. Jika kita mengatakan beliau adalah seorang yang tidak sempurna imannya, maka mengapa seorang Imam bersembahyang dibelakang seorang yang tidak sempurna imannya? Jika kamu mengatakan solat itu sah, sah dari segi mana? Kenapa kata sah? Jika solat itu sah sekalipun, mengapa Saidina Hasan bersembahyang dibelakang seorang yang dikatakan sangat teruk itu? Jika kamu mengatakan solat itu tidak sah, berapa ramai orang-orang lain yang juga tidak sah kerana

bersembahyang di belakangnya dan siapakah yang menentukan solat seseorang itu sah atau tidak sah? Saidina Hasan juga telah berjanji ketika orang ramai berbaiah kepadanya menjadi khalifah bahawa apa-apa sahaja keputusannya perlu diterima. Adakah beliau ada memberitahu kepada pengikut-pengikutnya supaya mengadha semula solat yang dilakukan di belakang Saidina Muawiyah?

No 859- Pada pendapat kamu apakah berita-berita tentang kejayaan-kejayaan dan penaklukan-penaklukan Saidina Muawiyah itu shahih atau tidak? Jika kamu mengatakan berita-berita itu shahih, maka benarlah pendapat golongan Ahlus Sunnah bahawa kemenangan itu adalah kemenangan dan kejayaan Islam. Jika kamu mengatakan berita-berita itu tidak shahih, maka bagaimana kita hendak membuktikan kejayaan Islam. Dan jika kamu mengatakan bahawa kemenangan itu adalah kemenangan yang bathil, maka bagaimana seorang Imam yang ma'sum juga terlibat sama dalam kemenangan tersebut?

No 865- Tidakkah benar bahawa Islam adalah agama yang tertegak di atas Al-Quran dan Sunnah. Dari segi dalil, kita kita jadikan Al-Quran sebagai dalil nombor satu, setelah itu barulah dalil-dalil yang lain. Tidakkah sekiranya seseorang itu tidak mempercayai Al-Quran maka dia tidak layak dipanggil sebagai seorang Islam?

No 866- Jika jawapannya ya, maka bagaimana dengan orang yang mempercayai bahawa Al-Quran telah diselewengkan, ditokok-tambah dan telah diubah, apakah orang itu Islam atau tidak? Jika Islam, mengapa? Bawakan dalil yang menunjukkan seseorang muslim itu boleh mempercayai sama ada Al-Quran itu adalah Al-Quran yang asal atau Al-Quran itu tidak lagi sama seperti Al-Quran yang sebenar.

No 868- Jika tidak Islam, mengapa kitab-kitab kamu mengandungi kenyataan-kenyataan seperti ini, sedangkan kamu mengatakan itulah kitab-kitab Islam?

No 869- Di dalam Tafsir Al-Shaafi karangan Faid Al-Kasyani disebutkan bahawa Saidina Ali pernah mengemukakan Al-Quran mengikut susunan tertib penurunan ayat-ayat Al-Quran, tetapi orang ramai tidak mahu menerimanya. Saidina Ali berkata "Ketahuilah demi Allah, sesungguhnya kamu tidak akan dapat melihat lagi Al-Quran ini sampai bila-bila". Jika Al-Quran yang ada hari ini ini tidak boleh dipercayai, maka bagaimana hendak beriman kepada Al-Quran kerana Al-Quran yang sebenar telah tiada?

No 870- Imam Muhammad Al-Baqir menyebutkan di dalam Tafsir Al-'Ayyasyi sebuah riwayat daripada Abu Ja'afar iaitu Imam kelima di sisi Syiah Imamiyyah beliau berkata "Kalau tidak kerana berlaku kerana penambahan dan pengurangan pada Al-Quran, nescaya hak kita tidak tersembunyi kepada orang ramai". Kita tidak mendapati apa-apa yang tersembunyi kepada orang ramai Al-Quran yang ada hari ni. Yang tersembunyi itu yang mana? Sedangkan kepercayaan Imam Dua Belas ini termasuk diantara perkara aqidah bai golongan Syiah, maka tidak boleh dikatakan ia telah dimansuhkan.

No 871- Di dalam Tafsir Al-Shaafi disebutkan bahawa Imam mengatakan bahawa Al-Quran ini banyak ayat-ayatnya yang telah dibuang. Beliau tidak mengatakan ayat-ayat itu telah mansukh. Dalam kitab itu juga disebutkan bahawa nasakh dan tahrif adalah dua perkara yang berbeza, di mana tahrif diterima sedangkan nasakh masih berlaku khilaf.

No 872- Dalam Tafsir Al-Shaafi juga disebutkan bahawa di dalam Al-Quran terdapat cerita tentang masa lalu dan juga cerita yang akan datang. Dalam Al-Quran juga terdapat nama orang-orang yang telah dibuang, iaitu nama-nama Imam Dua Belas. Kalau begitu, adakah Allah s.w.t. telah mengajar Nabi Adam a.s. tentang Imam Dua Belas? Dan apakah kelebihan mengetahui nama-nama mereka?

No 873- Dalam Tafsir Al-Shaafi disebutkan bahawa Saidina Umar berkata kepada Saidina Ali “Apakah Al-Quran tidak akan muncul sampai bila-bila? Bilakah ia akan muncul?”. Saidina Ali menjawab “Ya, apabila Imam Mahdi daripada anak cucuku muncul, dia akan menzahirkannya”. Ertinya Al-Quran yang sebenar berada pada Imam Mahdi, sedangkan Imam Mahdi mereka masih kecil. Mereka juga berselisih pendapat diantara sesama mereka siapakah Imam Mahdi. Ini kerana Hasan Al-Askari Imam kesebelas Syiah Imamiyyah dikatakan tidak mempunyai anak, maka bagaimana Imam Mahdi hendak muncul? Ada juga dikalangan mereka yang berpendapat bahawa Imam Mahdi itu disembunyikan kerana takut dibunuh oleh pemerintah.

No 874- Dalam Tafsir Al-Shaafi lagi disebutkan bahawa mereka telah memasukkan ke dalam Al-Quran apa yang tidak difirmankan oleh Allah s.w.t. untuk mengelirukan manusia. Siapakah ‘mereka’ yang dimaksudkan? Jika yang dimaksudkan ialah para sahabat, ini bererti Al-Quran hari ini tidak lagi asli, dan telah berlaku penambahan dan pengurangan daripada orang lain.

No 875- Dalam Tafsir Al-Shaafi ms 11 disebutkan bahawa mereka telah memasukkan daripada pihak mereka sendiri kedalam Al-Quran perkara yang ambil daripada Ahlul Kitab, iaitu pendapat Ahli Ta’thil, orang-orang kafir, agama-agama yang menyeleweng, dan orang-orang yang menyeleweng daripada kiblat kita. Dalam keadaan begini, bolehkah kita mengatakan bahawa Syiah masih mempercayai Al-Quran yang ada hari ini? Jika kita telah menyatakan bahawa orang yang tidak mempercayai Al-Quran itu kafir, maka bagaimana pula dengan orang yang mengucapkan kata-kata sebegini? Apakah aqidahnya? Beranikah kamu mengatakan ia kafir?

No 876- Mereka menyatakan bahawa bahawa para sahabat telah menokok tambah terhadap Al-Quran yang ada hari ini dengan sesuka hati. Apa yang kita sebutkan ini adakah terdapat di dalam kitab Al-Shaafi atau tidak? Jika kamu mengatakan semua ini tidak terdapat dalam kitab Al-Shaafi, maka itu tidak benar. Jika ada, maka apakah cerita itu benar atau tidak di sisi kamu? Jika tidak benar, bawakan sebab serta nukilan daripada Imam-Imam. Jika benar, maka kita ingin bertanya adakah Al-Quran ini benar-benar kalam Allah atau rekaan manusia? Jika kamu telah menjelaskan berdasarkan riwayat-riwayat kamu bahawa di dalam Al-Quran terdapat tiang-tiang yang menegakkan kekufuran, maka bagaimana kamu mendakwa bahawa kamu mempercayai Al-Quran? Jika pada pendapat kamu orang-orang yang menyusun Al-Quran merupakan musuh kepada kekasih-kekasih Allah, ertinya tidak mustahil mereka telah mengubah suai isi kandungan Al-Quran. Kalau begitu, apa yang kamu akan katakan jika seseorang mempercayai seperti itu? Sekiranya seseorang mempercayai bahawa Al-Quran ini telah diubah suai oleh para sahabat bagaimanakah aqidahnya?

Quran yang ada ini fasih atau tidak? Jika ia sudah bercampur dengan apakah keadaan Al-Quran sama seperti keadaannya hari ini? Mengkinkah segala kefasihan dari sudut bahasa dan mukjizatnya masih kekal?

No 884- Nyatakan kepada kami dengan jelas beberapa contoh ayat yang telah diubah oleh sahabat sama ada penambahan atau pengurangan.

No 885- Berdasarkan keterangan di atas, dikatakan terdapat beberapa ayat di dalam Al-Quran yang merupakan penghinaan terhadap Nabi s.a.w.. Maka nyatakan kepada kami di manakah ayat yang menghina Nabi s.a.w. itu?

No 886- Dalam Tafsir Al-Shaafi disebutkan bahawa diantara dua ayat ini ada bahagian yang ketiga. Ertinya satu pertiga daripada Al-Quran telah digugurkan. Tidakkah ini bermakna telah berlaku pengurangan terhadap Al-Quran? Bagimanakah hukum orang yang mempercayai seperti ini?

No 887- Dalam Tafsir Al-Shaafi lagi pada ms 12 disebutkan bahawa Saidina Ali berkata “Sekiranya aku hendak menjelaskan kepada kamu setiap ayat yang digugurkan, yang dipesongkan dan ditukar seperti ini, maka panjang benar ceritanya dan akan nyata apa yang taqiyyah menghendaki kita tidak menyatakannya”. Yakni rahsia ini tidak boleh dibocorkan kerana nanti orang akan tahu bahawa kita tidak percayakan Al-Quran. Ertinya Syiah mempercayai bahawa Al-Quran yang ada hari ini telah diselewengkan oleh para sahabat. Mengenai perkara ini golongan Syiah terbahagi kepada dua golongan: ada yang mengaku secara terang-terangan bahawa Al-Quran telah diubah sementara segolongan lagi mempercayai kepada Al-Quran yang ada ini tetapi dalam masa yang sama tetap mempercayai kitab-kitab mereka yang menyatakan bahawa Al-Quran telah berubah. Jika di benar-benar beriman kepada Al-Quran, dia tidak mungkin boleh mempercayai kitab-kitab itu kerana dua perkara yang bertentangan tidak boleh berhimpun dalam satu masa.

No 888- Dalam Tafsir Al-Shaafi juga pada ms 12 disebutkan “Kesimpulan daripada hadits-hadits ini dan seumpamanya yang kita terima melalui saluran Ahlul Bait ialah Al-Quran yang ada di hadapan kita skarang ini tidak sempurna. Tidak semuanya merupakan kalam Allah yang diturunkan kepada Muhammad, bahkan ada diantaranya yang berbeza dengan apa yang diturunkan oleh Allah, ada juga diantaranya yang sudah dipesong dan diubah, dan banyak juga perkara yang telah dibuang daripadanya. Dalam kitab-kitab Ahlus Sunnah terdapat perbincangan tentang Nasakh, tetapi dalam kitab Syiah terdapat perbincangan tentang Nasakh dan Tahrif. Ini menunjukkan bahawa Nasakh dan Tahrif adalah dua perkara yang berbeza di sisi mereka dan tidak boleh disamakan.

No 889- Jika di dalam kitab-kitab Syiah terdapat begitu banyak riwayat bahawa Al-Quran dan Al-Sunnah tidal lagi benar seperti yang asal, dan riwayat-riwayat itu adalah daripada Ahlul Bait dan para Imam-Imam yang menurut kepercayaan mereka kata-kata mereka mesti dipercayai sama seperti kata-kata para nabi dan rasul. Maka bagaimanakah kamu ingin menafikan riwayat-riwayat dan berita-berita ini? Ini tidak ada kena-mengena dengan Ahlus Sunnah kerana bukan Ahlus Sunnah yang telah memasukkan riwayat-riwayat tersebut di dalam kitab mereka.

No 890- Jika kamu mengatakan bahawa pengarang tafsir itu sebenarnya ingin menolak hadits-hadits Syiah yang menyebutkan bahawa Al-Quran ini tidak asli, maka apakah yang dimaksudkan dengan kata-katanya ini: “Sekiranya hadits-hadits itu tsabit sebagai hadits-hadits yang shahih, bermakna memang telah berlaku perubahan terhadap Al-Quran, tetapi perubahan itu adalah perubahan yang tidak mengubah maksud”. Apakah maksud sebenar pengarang dengan mengatakan begini? Apakah beliau ingin mengaku atau menafikan berlakunya terhadap Al-Quran?

No 891- Jika pengarang kitab Tafsir Al-Shaafi tersebut menafikan sekalipun, apa makna penafian dia dalam keadaan Mulla Baqi Al-Majlis di dalam kitabnya Miraatul ‘Uqul berkata “Hadits-hadits melalui saluran orang-orang istimewa (yakni Syiah), juga hadits-hadits orang-orang awam (yakni Ahlus Sunnah) dengan jelas dan mutawatir telah menunjukkan bahawa telah berlaku pengurangan dan perubahan kepada Al-Quran yang ada hari ini daripada Al-Quran yang asal”. (Syarhul Furu’ Wal Ushul: ms 171, j 1)

No 892- Di dalam kitab Fashlul Khithab ada disebutkan: “Tokoh-tokoh Syiah kesemuanya sepakat mengatakan hadits-hadits tentang cerita penyelewengan Al-Quran ini adalah mutawatir”. Apa jawapan kamu terhadap kenyataan ini?

No 893- Ada atau tidak riwayat ini di dalam kitab Miraatul Uqul “Hadits-hadits ini dan banyak lagi hadits-hadits lain menunjukkan bahawa Al-Quran telah diubah”. Jika ada, apa pendapat kamu?

No 894- Dalam Miraaatul Uqul ms 17 juga ada disebutkan begini: “Al-Kulaini, Syikh Mufid dan segolongan ulama berpendapat keseluruhan Al-Quran dengan lengkap ada pada paara Imam-Imam. Dari seorang imam diwarisi terus menerus sehingga sampai kepada Imam yang kedua belas, tetapi beliau tidak muncul dikalangan orang ramai kerana bersembunyi di Gua Samurra’ sehingga sekarang. Bukankah kamu menganggap Al-Kulaini sebagai seorang tokoh? Jika kamu menganggapnya sebagai tokoh, maka bagaimana kamu boleh menerima kepercayaan Syiah?”

No 895- Bukankah di dalam kitab Miraaatul Uqul ms 171 disebutkan dalam bentuk kesimpulan dan keputusan yang diterima bahawa “Akal kita memutuskan bahawa apabila Al-Quran tidak berada pada suatu tempat, berselerak pada selain imam yang ma’sum, dan orang yang mengumpulkannya pula bukan imam yang ma’sum, maka sudah tentu berlaku kesilapan dari segi logik”.

No 896- Adakah kamu bersetuju dengan kenyataan ulama Syiah pada abad kesebelas Mulla Baqir Al-Majlisi tadi? Jika setuju, maka sila nyatakan bahawa memang benar bahawa Syiah mempercayai bahawa Al-Quran ini tidak asli seperti dakwaan kami. Jika kamu tidak setuju dengan kenyataan Mulla Baqir Al-Majlisi itu, maka apa pendapat kamu tentang sekalian ulama-ulama kamu yang mempercayai seperti itu? Apa keputusan kamu?

No 897- Cuba lihat bagaimana pendapat tokoh-tokoh Syiah yang dinukilkan di dalam Tafsir Al-Shaafi ms 12, apakah kamu bersetuju atau tidak? Disebutkan di dalam tafsir tersebut: “Mengenai kepercayaan tokoh-tokoh kita berhubungan dengan penyelewengan AL-Quran, yang jelas daripada Tsiqatul Islam Muhammad Bin Ya’aqub Al-Kulaini semoga baiklah tanah perkuburannya, beliau beri’tikad bahawa Al-Quran telah diselewengkan dan berlaku pengurangan”. Ertinya Al-Quran yang sebenar lebih panjang. Mengikut sesetengah riwayat mereka, terdapat satu pertiga lagi bahagian yang tidak lengkap. Persoalannya siapakah yang telah mengurangkannya? Jika kamu bersetuju dengan kenyataan di dalam Tafsir Al-Shaafi ini, maka kamu memang benar adalah seorang Syiah. Jika kamu tidak bersetuju, apa yang kamu akan katakan tentang Al-Kulaini? Rukun Iman yang manakah yang kamu imani sekiranya kamu percaya bahawa harus sama ada mempercayai bahawa Al-Quran ini asli atau tidak asli?

No 898- Jika kamu menerima bahawa Muhammad Bin Ya’aqub Al-Kulaini sebagai tokoh kamu dan menerima pendapatnya, bermakna kamu juga sama sepertinya. Maka apa maksud kamu mengatakan bahawa kamu juga mempercayai Al-Quran seperti orang-orang lain?

No 899- Jika kamu mengatakan lihat di dalam Tafsir Al-Shaafi ms 12 baris ke 25 ada disebutkan begini “Al-Quran di zaman Rasulullah sudah terkumpul dan terhimpun seperti keadaannya hari ini”, kita katakan kamu juga perlu membaca tulisan pada baris ke 32 dalam halaman yang sama disebutkan “Adapaun Al-Quran yang ada hari ini sama seperti Al-Quran yang terkumpul di zaman Nabi, itu tidak terbukti kebenarannya”. Maka Kitab yang manakah yang percayai dalam rukun Iman kamu?

No 900- Pengarang Tafsir Al-Shaafi menyebutkan pada halaman 12 “Telah dibuang daripada Al-Quran beberapa ayat di banyak tempat. Antaranya ialah lafaz ‘Aali Muhammad’ di banyak tempat telah dibuang, begitu juga lafaz-lafaz ‘Munafiqin’ di beberapa tempat dan lain-lain”.

No 901- Adakah kamu menerima atau tidak susunan Al-Quran yang ada hari ini? Jika kamu tidak menerimanya kerana Susunan ini adalah rekaan Utsman, maka mengapa Surah Al-Baqarah yang merupakan Surah Madaniyyah diletakkan di awal Al-Quran, bukan Surah Makkiyyah?

No 902- Jika kamu menerima susunan Al-Quran ini, maka apa jawapan kamu terhadap kenyataan ulama kamu ini “Al-Quran yang ada bukan mengikut susunan yang diperkenankan oleh Allah dan

Rasulnya". Dan jika kamu mengatakan bahawa susunan Al-Quran ini tidak benar, maka sila bawakan susunannya yang sebenar.

No 903- Jika kamu menerima bahawa Al-Quran tidak diselewengkan, maka bagaimana kamu hendak jawab kenyataan dari ulama kamu bahawa tidak terdapat perkataan "خير أمة" dalam Al-Quran hari ini, dan diantara contoh ayat yang tidak sama seperti yang diturunkan oleh Allah s.w.t. di dalam Al-Quran hari ini ialah ayat "كنتم خير أمة...". Apakah tidak sesat lagi orang yang mengatakan sebegini?

No 904- Jika kamu tidak mempercayai aqidah kamu bahawa Al-Quran telah diselewengkan, maka sila jawab kenyataan ulama kamu bahawa dalam Al-Quran sebenarnya tidak terdapat ungkapan "من المتقين". Di dalam riwayat Syiah disebutkan bahawa ada seseorang membaca "واجعلنا للمتقين", lalu Ja'afar Al-Shadiq menegur "Tidak! Ayat sebenar yang diturunkan ialah "واجعل لنا من المتقين". Bagaimana di dalam Al-Quran dinyatakan permintaan menjadi Imam, sedangkan mengikut kepercayaan kamu Imam dilantik oleh Tuhan? Maka bagaimanakah ayat yang sebenar?

No 905- Jika kamu mengatakan Al-Quran ini tidak berubah, tolong jelaskan kepada kami kenyataan ulama kamu bahawa terdapat ungkapan "ومن خلفه رقيب" di dalam Al-Quran sedangkan di dalam Al-Quran hari ini ungkapan tersebut tidak ada. Ja'afar Shadiq mengatakan sebenarnya ayat itu diturunkan begini "له معقبات من بين يديه ومن خلفه رقيب". (Tafsir Al-Shaafi: ms 12) Bukankah ini bermakna Al-Quran telah berubah? Ataukah kamu akan mengatakan bahawa riwayat ini tidak shahih? Persoalannya mengapa ia diterima oleh kebanyakan kamu kalau ia tidak shahih?

No 906- Berdasarkan kenyataan dalam Tafsir Al-Qummi ms 121, adakah kamu mempercayai lafaz Al-Quran ini atau tidak? Jika Al-Quran yang ada hari ini adalah benar, maka kenyataan ini tidak benar. Jika kamu mengatakan kenyataan ini benar, maka benarlah yang dikatakan bahawa kamu dan ulama-ulama kamu percaya bahawa Al-Quran telah diubah. Maka bagaimanakah yang sebenarnya? Apakah yang dimaksudkan ialah telah berlaku nasakh? Akan tetapi yang disebut ialah tahrif (penyewengan), dan ulama kamu sendiri yang mengatakan bahawa nasakh dan tahrif adalah dua perkara yang berbeza.

No 908- Di dalam Tarjamah Maqbul, pada hasyiah bagi perkataan "والمؤمنون" dia menyebutkan ini tidak benar, sedangkan yang sebenarnya ialah "والماتعون". Tidakkah ini bermakna Al-Quran yang ada hari ini tidak benar?

No 909- Dalam Tafsir Al-Shaafi ms 903 disebutkan bahawa ayat "يئسما اشتروا به أنفسهم أن يكفروا" ini adalah salah, bukan mansukh. Kenyataan ini merugikan kamu atau menguntungkan kamu? Jika kamu mengatakan bahawa pendapat ini salah, maka kamu sama seperti Ahlus Sunnah, dan benarlah pendapat Ahlus Sunnah. Jika kamu mengatakan pendapat ini benar, maka bermakna kamu tidak mempercayai Al-Quran kerana kamu menyalahkan perkara yang tsabit di dalam Al-Quran di sini dan di banyak tempat-tempat lain.

No 910- Jika kamu mengatakan ayat itu benar, maka keluarkan fatwa daripada kamu apa hukum Mulla Khalil yang mempercayai begitu dan menyatakan perkara tersebut di dalam kitabnya?

No 911- Tolong beritahu apakah perkataan "في علي" termasuk dalam ayat Al-Quran atau tafsir? Dalam Al-Quran tidak ada perkataan "علي".

No 912- Jika ia termasuk dalam ayat Al-Quran, bermakna Al-Quran yang ada hari ini telah berlaku pengurangan. Jika ia hanya satu tafsiran, maka tolong bawakan dalil dari Imam yang menyebutkan tafsiran ini daripada riwayat yang shahih.

No 913- Dalam Tarjamah Maqbul, pada hasyiah ayat “التائبون العابدون الحامدون” mereka mengi’rabkan dengan membaca “التائبين العابدين”. Jika kamu mengatakan bahawa bacaan Al-Quran yang ada hari ini tidak benar dan i’rab kamu itu yang benar, bermakna kamu percaya bahawa Al-Quran telah berubah walaupun dari segi i’rab. Maka jelaskan bagaimana pendapat kamu tentang kepercayaan ini?